

Enam premis, seorang penjaja diambil tindakan

Kuala Lumpur: Enam premis dan seorang penjaja dikenakan tindakan dalam pemeriksaan dilakukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Lucky Garden, Bangsar di sini, Selasa lalu.

DBKL dalam kenyataan kepada Harian Metro memaklumkan pihaknya menerusi Jabatan Penguatkuasaan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan harian di kawasan itu.

Menurutnya, tindakan dilakukan berdasarkan aduan diterima DBKL yang disalurkan melalui saluran ADU@KL.

“Melalui pemantauan itu, enam premis serta seorang penjaja diperiksa dan diambil tindakan di kawasan berkenaan.

“Hasil pemantauan mendapati pemilik premis dan penjaja melakukan ke-

salahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen serta menyebabkan halangan barangan perniagaan di tempat awam,” katanya.

Menurutnya, DBKL mengambil tindakan penguatkuasaan termasuk mengeluarkan empat notis kesalahan mengikut Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan meletakkan barang di tempat awam.

“Satu tindakan fizikal iaitu menyita atau memindahkan halangan dilaksanakan di bawah Seksyen 46(1)(d) akta sama.

Menurutnya, semasa menjalankan pemantauan dan mengambil tindakan penguatkuasaan di lokasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang membuat satu Operasi Pematuhan Kebersihan di sekitar kawasan itu.